

**PERANAN INSTITUT  
PENGAJIAN TINGGI ISLAM  
DALAM PEMBANGUNAN  
MODAL INSAN DI  
MALAYSIA: SATU ANALISIS**

Prof. Madya Dr. Ruzman Md Noor,  
Associate Profesor, Department of Syariah Law,  
Academy of Islamic Studies, University of  
Malaya,  
Tel : +6019-2340544  
E-Mel : ruzman@um.edu.my

Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abd. Rahim,  
Associate Profesor, Department of Fiqh Usul,  
Academy of Islamic Studies, University of  
Malaya.  
Tel : +6012-3192177  
E-Mel : faqir\_ila\_rabbih@um.edu.my

Dr Muhammad Kamil Abd Majid  
Research Fellow, Department of Akidah and  
Islamic Thought, Academy of Islamic Studies,  
University of Malaya.  
Tel : +6019-3009740  
E-Mel : mkamil@um.edu.my

Prof. Madya Dr. Abdul Karim Ali,  
Associate Profesor, Department of Fiqh Usul,  
Academy of Islamic Studies, University of  
Malaya.  
Tel : +6012-3760961  
E-Mel : abdkarim@um.edu.my

Nor Adina Abdul Kadir,  
Phd candidates of Islamic History and  
Civilization, Academy of Islamic Studies,  
University of Malaya  
Tel : +6017-6631150  
E-Mel : nor\_adina@yahoo.com

Syed Mohd Jeffri bin Syed Jaafar  
(Pengarang penghubung)  
Phd candidates, Department of Fiqh Usul,

Academy of Islamic Studies, University of  
Malaya  
Tel: +6013-9655007  
E-mel: syedjeffri89@gmail.com

Norhidayah Yusoff,  
Master candidates, Department of Fiqh Usul,  
Academy of Islamic Studies, University of  
Malaya.  
Tel: +06014-8229281  
E-Mel: hidayahpetunjuk\_89@yahoo.com.my

**ABSTRAK**

*Secara konvensional, tugas untuk membangunkan modal insan yang bermutu, bertanggungjawab dan kondusif untuk keperluan sesuatu masyarakat diletakkan kepada institusi pengajian tinggi. Hal ini telah menjadi amalan di kebanyakan Negara, termasuklah Malaysia. Dalam menghadapi dunia global semasa, Institut Pengajian Tinggi Islam (IPT Islam) di Malaysia telah berusaha untuk menjalankan tugas pembentukan modal insan ini mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Berasaskan kepada latar belakang ini, kertas kerja ini akan cuba menganalisa peranan yang dimainkan oleh IPTA aliran Islam, dengan memilih Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya sebagai fokus utama. Kajian ini bakal mengandungi beberapa bahagian utama. Pertama, pengenalan tentang konsep modal insan dan kepentingannya untuk pembangunan Negara. Kedua, Konsep Modal Insan Di Malaysia: Analisis Sejarah. Ketiga, Konsep Modal Insan: perbandingan Perspektif Sarjana Barat Dan Islam. Keempat, Pendekatan APIUM Dalam Isu modal insan. Kelima, kesimpulan dan saranan.*

**Kata Kunci:** Peranan, IPT Islam, Pembangunan, Modal Insan

## PENGENALAN

Untuk konteks dunia moden ini, semua kalangan termasuklah kerajaan dan majikan di Malaysia memaklumi peranan Institut Pengajian Tinggi (IPT) sebagai institusi terpenting untuk melahirkan modal insan yang kompeten dan bertanggungjawab bagi keperluan pasaran. Pandangan ini memang mempunyai rasionaliti yang tersendiri. Ia menuntut IPT memainkan peranan yang lebih holistik bagi tujuan pendidikan elemen kognitif, psikomotor dan afektif kalangan mahasiswa. Berhadapan dengan pandangan konvensional ini, kita wajar menerimanya secara terbuka tetapi patut dibantu dengan pandangan yang dikemukakan oleh Osman Bakar dan Zaini Ujang yang menyentuh peranan berat yang terpaksa ditanggung oleh IPT. Bagi Osman Bakar, IPT tidak harus dianggap sebagai kilang yang mampu melahirkan tenaga kerja untuk tujuan pembangunan fizikal semata-mata. Terpenting lagi, usaha untuk melahirkan manusia yang lengkap dari segi akhlak dan kemahiran memerlukan tempoh masa yang panjang yang menuntut komitmen daripada semua pihak. Andainya IPT terlalu dibebankan dengan kehendak pasaran semata-mata dibimbangkan ia hanya bakal melahirkan robot-robot yang mampu berkerja tetapi gagal berfungsi sebagai warganegara yang amanah dan mempunyai kesedaran sosial [1].

Bagi Zaini Ujang pula, beliau mencadangkan agar kalangan masyarakat awam, lebih-lebih lagi sektor swasta perlu bersikap lebih terbuka, simpati dan patut meniru apa yang telah dijalankan oleh sektor swasta di Jepun. Sektor swasta di Jepun memaklumi bahawa tempoh pendidikan di IPTA/IPTS yang singkat (selama empat tahun) tidak mungkin mampu membekalkan

tenaga kerja mahir yang sempurna. IPTA/IPTS dilihat hanya berperanan untuk mendidik mahasiswanya dengan bersifat universal dan mampu bertindak sebagai warganegara dan pekerja yang amanah. Hasilnya, sektor swasta telah memainkan peranan melatih graduan IPTA/IPTS ini dengan segala kemahiran yang diperlukan oleh sektor swasta semasa [2]. Pendekatan ini jika diamalkan oleh sektor swasta di Malaysia pasti akan menyelesaikan masalah pengangguran graduan yang agak meruncing pada masa sekarang.

Lagipun, berasaskan kepada pencapaian semasa, jika dibandingkan dengan graduan bukan pengajian Islam yang dilaporkan telah mengidap sindrom keruntuhan akhlak dan mutu pencapaian akademik yang rendah [3], kita boleh berbangga dengan produk bermutu yang dihasilkan oleh IPTA/IPTS aliran Islam – lahirnya graduan yang mempunyai pencapaian akademik yang baik, ditambah pula dengan kemahiran sosial yang cukup tinggi [4]. Berasaskan kepada latar belakang ini, artikel ini akan cuba meneliti peranan yang dimainkan oleh APIUM dalam pembentukan modal insan untuk keperluan pembangunan di Malaysia.

## PERANAN IPT ISLAM Di MALAYSIA: Analisis Pencapaian.

Institut pengajian tinggi Islam merupakan institut pengajian tinggi yang menekankan dan melahirkan graduan yang berasaskan didikan pengajian Islam seperti tauhid, syariah dan akhlak berbeza dengan IPT aliran bukan Islam yang tidak meletakkan agama Islam sebagai teras di dalam pengajian.

Selepas Malaysia merdeka, peranan IPT Islam dalam melahirkan modal insan yang holistik telah diakui oleh banyak pihak termasuklah pihak kerajaan dan sektor

pasaran kerja. Ia didorong daripada wujudnya modal insan daripada IPT Islam dalam dan luar negeri yang mampu bertindak sebagai pemangkin pembangunan sosial dan ekonomi di Malaysia. Fenomena ini dapat dilihat daripada beberapa perkara utama;

*Pertama*, rekod dan testimoni sejarah yang menyaksikan IPT Islam klasik seperti pondok dan Universiti Azhar telah mampu membekalkan sejumlah sarjana dan tenaga kerja untuk sektor perundangan dan pentadbiran Islam di Malaysia [5]. Dalam banyak hal pondok telah mampu bertindak dalam melahirkan modal insan Islam dirujuk kepada semua aspek keusahawanan, kemahiran berfikir, komunikasi dan sebagainya [6].

*Kedua*, berlakunya pertambahan kesungguhan ibubapa yang menghantar anak ke sekolah agama. Hal ini boleh dibuktikan dengan dapatan kajian semasa yang menunjukkan bagaimana kebanyakan keluarga Melayu moden masih menaruh harapan yang tinggi terhadap bidang pengajian Islam, dengan memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama serta sanggup membelanjakan wang ringgit mereka untuk menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat IPTA/IPTS aliran Islam [7].

*Ketiga*, kajian yang menunjukkan realiti sektor pasaran kerja awam dan swasta di Malaysia yang memang terbuka dan memerlukan kepakaran yang dimiliki oleh lulusan pengajian Islam. Hasil kajian yang dijalankan oleh para penyelidik daripada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia dalam tahun 1999-2000; mendapati bahawa prospek kerjaya untuk graduan pengajian Islam adalah amat cerah sekali, berdasarkan kepada empat faktor yang utama [8]:

- 1) Pasaran pekerjaan di Malaysia dalam pelbagai bidang yang lebih luas (perkhidmatan, perlombongan, perkilangan, pembinaan, kewangan, profesional dan pertanian) menunjukkan keadaan yang memberangsangkan.
- 2) Kebolehan, kemahiran ICT dan keupayaan pengurusan moden sangat ditekankan di dalam perancangan pembangunan lima tahun Malaysia, yang seiring dengan pertumbuhan pesat dalam permintaan pasaran terhadap kemahiran dan pengurusan dalam dunia global [9].
- 3) Permintaan pasaran tenaga manusia negara terhadap para pekerja yang mempunyai nilai-nilai dan kualiti positif juga secara logiknya boleh dipenuhi oleh graduan pengajian Islam.
- 4) Para majikan dikesan sangat berminat untuk mendapatkan pekerja mahir dalam kedua-dua ilmu agama dan ilmu kemahiran semasa.

Secara jelas kita mendapati majikan di Malaysia bersikap positif percaya dengan kemampuan graduan pengajian Islam. Hal ini dijana dengan pengetahuan pihak majikan dengan segala penambahbaikan yang dijalankan oleh IPT Islam. Dalam setiap lima tahun IPT Islam akan melakukan kajian penambahbaikan program pengajian. Sebahagian daripada kajian ini akan membabitkan keberkesanan dan kehendak pasaran yang membekalkan kesemua keperluan yang dikehendaki oleh sektor pasaran kerja.

*Keempat*, pertambahan jumlah pelajar antarabangsa yang menyambung pengajian mereka di IPT Malaysia. Dalam kes pelajar Indonesia sebagai contohnya, kita dapat

melihat pertambahan yang agak besar. Kalau dahulunya, selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, khidmat pakar daripada IPT Indonesia sangat diperlukan untuk melatih kalangan pelajar dan sarjana Malaysia dalam bidang pengajian Islam. Hal ini telah berubah sama sekali pada masa sekarang.

### **1. Konsep Modal Insan: Perbandingan Perspektif Sarjana Barat Dan Islam**

Istilah modal insan pada mulanya dipercayai pertama kali dibincangkan oleh Arthur Cecil Pigou (1877-1959) dalam karyanya, *A Study in Public Finance* pada tahun 1928. Kemudiannya diikuti tokoh-tokoh seperti Jacob Mincer dalam artikelnya *Investment in Human Capital and Personal Income Distribution* pada tahun 1958 dan Gary Becker dalam *Human Capital* pada tahun 1964. Pada aspek yang tertentu, idea mereka menyamai idea Karl Marx (1818-1883) iaitu konsep *labor power*.

Terdapat pelbagai definisi mengenai modal insan kerana melihatnya daripada perspektif berlainan; antaranya ekonomi, sosial dan agama. Para pengkaji di Barat melihat daripada perspektif yang berbeza. Bagi definisi Barat, pembangunan modal insan umumnya didefinisikan sebagai suatu cara untuk mengenal dan mengkategorikan kemahiran dan kebolehan individu yang diguna dalam pengambilan pekerja dan dalam hal lain, mereka memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Menurut perspektif Barat yang begitu memberi fokus kepada pembangunan sumber manusia dari sudut pengetahuan dan kemahiran tertentu yang dapat memberi pulangan kepada ekonomi sesebuah organisasi atau masyarakat.

Theodore W. Schultz seorang sarjana Barat yang melihat modal insan daripada

perspektif ekonomi merupakan sarjana yang memperkenalkan teori modal insan walaupun istilah tersebut lebih awal dibahaskan oleh beberapa sarjana Barat seperti yang dinyatakan. Beliau berhujah menyatakan bahawa pengetahuan dan kemahiran adalah elemen modal yang terhasil daripada pelaburan yang disengajakan. Contoh yang jelas ialah peningkatan hasil ekonomi di negara-negara Barat adalah kesan positif daripada pelaburan dalam modal insan [10]. Dengan kata lain, wujud hubungan di antara peningkatan pelaburan modal insan dan peningkatan pendapatan pekerja. Gary S. Becker berpendapat modal insan adalah berkaitan dengan ekonomi masyarakat dan negara kerana individu tidak dapat dipisahkan daripada pengetahuan, kemahiran, kesihatan ataupun nilai. Oleh kerana itulah pendapatan yang tinggi, kesihatan yang baik dan pembentukan nilai dan tabiat yang baik akan memberi kesejahteraan kepada kehidupan seseorang[11].

Beliau menekankan dua elemen yang penting sebagai pelaburan masa depan dalam modal insan iaitu pendidikan dan latihan. Bagi beliau, institusi pendidikan seperti sekolah, universiti, kelas komputer, pembelajaran kesihatan dan perbincangan-perbincangan mengenai nilai hidup juga dianggap sebagai modal insan ke arah meningkatkan aset insan itu sendiri. Oleh itu modal insan adalah harta terpenting yang ada pada seseorang dan membawa pendapatan kepadanya.

Selari dengan pandangan Schultz, Becker turut bersetuju dengan konsep pelaburan modal insan ini. Tuntasnya, negara-negara maju yang melabur dalam pendidikan, kesihatan dan latihan dalam jangka panjang akan menguatkan struktur ekonomi dan meningkatkan taraf hidup

masyarakat mereka. Manakala negara-negara membangun dan mundur masih mementingkan pelaburan jangka pendek bagi memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat perlindungan dan keselamatan.

Definisi modal insan dalam Islam sangat berbeza daripada Barat yang asasnya adalah fahaman kapitalis. Islam mengenal pasti pembangunan sumber manusia sebagai elemen terpenting dalam modal insan kerana sumber yang utama ialah individu. Modal insan tidak seharusnya dilihat dari sudut latihan, kemahiran, kepakaran, profesional, kelebihan maklumat dan sebagainya malah harus mempunyai ciri-ciri pembangunan ke atas insan yang menerapkan sifat-sifat amanah, jujur, berakhlak mulia, progresif, cergas dan bertamadun. Menurut perspektif Islam yang menegaskan bahawa modal insan dilihat tidak sekadar mementingkan aspek pembangunan intelektual dan emosional bahkan melibatkan pembangunan spiritual. Islam melihat modal insan sebagai suatu konsep yang amat luas dan lebih terperinci tanpa terdapat lompang-lompang yang tidak dihuraikan. Definisi yang komprehensif ini dapat menjelaskan betapa pentingnya sumber ini kepada sesebuah negara khususnya umat Islam. Keperluan dunia semata-mata tidak akan memberi kelebihan ke atas pembangunan modal insan kerana tujuan penciptaan manusia ialah jelas seperti maksud Surah Al-Zariyat ayat 56; *“Tidaklah aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepadaKu”*.

Hasil akhir yang cemerlang adalah tonggak utama pembangunan modal insan dalam Islam kerana Islam telah menyediakan satu sistem hidup yang lengkap dari mula lahir hinggalah ke akhir hayat. Konsep pembangunan sumber manusia dalam Islam adalah proses menyeluruh untuk membentuk

insan yang berguna dan mulia. Manusia yang lahir kelak akan menerima janji daripada Tuhannya iaitu;

*“Sekiranya penduduk sesuatu negeri itu bertakwa nescaya Kami akan membuka kepada mereka (pintu-pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi”*. (Surah Al-A'raf ayat 96)

Tuntasnya, masyarakat Muslim wajar bijak menguruskan segala kemewahan yang dilimpahi Allah dan semua ini amat berkait rapat dengan pembangunan modal insan yang berupaya membentuk insan yang intelek dan bersahsiah mulia. Seandainya, individu tersebut tidak mempunyai pendidikan yang membangunkan modal insan, pastinya akan tenggelam dalam dunia kemewahan yang akan menghanyutkan jati diri, budaya bahkan ketamadunan yang telah dibina. Ahli sosiologi Islam tersohor, Ibnu Khaldun merincikan melalui buku Mukadimah bahawa kecemerlangan sesebuah tamadun akan hilang apabila nilai dan budaya keseronokan yang melampau menjadi kompas yang dijunjung dalam kalangan masyarakat [12].

Rincinya; modal insan yang diketengahkan oleh Islam bukan hanya melahirkan individu yang pakar, mahir ataupun profesional dalam bidang masing-masing tetapi penuh dengan nilai-nilai positif seperti amanah, jujur, telus, mulus dan seumpamanya. Pembentukan nilai-nilai ini tidak sekadar memenuhi kehendak organisasi malah untuk masyarakat dan negara. Modal insan ini yang dibangunkan dalam model Malaysia yang sebelum ini telah sekian lama melalui pengalaman menggunakan model modal insan Barat

yang diperlihatkan melalui beberapa dasar kerajaan yang tertumpu kepada ekonomi.

Pendekatan fizikal melalui sesebuah dasar yang memberi fokus terhadap ekonomi tidak akan dapat memaksimumkan pembangunan modal insan. Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) yang memberi perhatian terhadap membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, strategi seterusnya beralih kepada memberi keutamaan terhadap pembangunan jasmani dan rohani melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang (1991-1995) [13], Perhatian yang lebih serius terhadap modal insan ini terserlah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Keseriusan kerajaan terhadap pembangunan modal insan ini diterjemahkan sebanyak RM45.1 bilion yang diperuntukkan bagi melaksanakan pelbagai program pendidikan dan latihan yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sebanyak lapan teras Dasar Pembangunan Modal Insan yang telah digariskan iaitu [14]:

- 1) Melaksanakan penambaan serta komprehensif terhadap sistem penyampaian pendidikan dan latihan.
- 2) Memperkasa sekolah kebangsaan untuk menjadi sekolah pilihan utama rakyat Malaysia bagi meningkatkan perpaduan negara. Untuk tujuan ini, subjek bahasa Mandarin dan Tamil akan diperkenalkan.
- 3) Melaksanakan langkah bagi merapatkan jurang prestasi di antara sekolah luar bandar dan bandar termasuk menggantikan semua sekolah daif bagi menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif serta menempatkan guru berpengalaman di sekolah luar bandar.
- 4) Mewujudkan universiti bertaraf antarabangsa dan memastikan

pendidikan dan latihan di peringkat tertinggi memenuhi keperluan majikan.

- 5) Menyediakan lebih banyak peluang dan akses kepada pendidikan latihan dan pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*) yang berkualiti di semua peringkat.
- 6) Membina masyarakat yang inovatif dengan keupayaan sains dan teknologi yang kukuh dan memiliki kemampuan memperoleh dan menggunakan pengetahuan.
- 7) Memperkukuh perpaduan nasional dan membangunkan masyarakat yang mempunyai perspektif progresif, sistem nilai yang boleh diteladani dan budaya mengutamakan prestasi tinggi serta menghargai tradisi dan warisan.
- 8) Memperluas dan memperkemas forum perbincangan dan perundingan antara kerajaan, sektor swasta, ibu bapa dan masyarakat dalam pembangunan modal insan.

Di samping itu juga, persoalan modal insan dalam konteks pembudayaan ilmu dapat dikesan dalam Falsafah Pendidikan di Malaysia iaitu suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.

Untuk konteks institusi pengajian tinggi di Malaysia, peranan untuk melahirkan

modal insan yang kondusif dengan realiti semasa memang ditekankan oleh Kementerian pengajian tinggi Malaysia. Pihak KPT telah menetapkan peranan yang perlu dimainkan oleh pihak MQA. Setiap IPTA/IPTS yang mahu mendapat pengiktirafan daripada pihak KPT untuk beroperasi perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak MQA. Hal ini menuntut mereka melakukan proses *review* terhadap elemen sistem pengurusan organisasi, pengajaran dan lain-lain proses teras pengajaran & pembelajaran.

Dalam dunia global yang menyaksikan kehendak pasaran kerjaya mementingkan nisbah pekerja yang memiliki ciri-ciri [15] :

1. Prestasi kerja yang berasaskan kepada kemahiran dan bukannya kerana faktor kronisme.
2. Kebolehan berkomunikasi yang efektif, khususnya membabitkan penguasaan bahasa Inggeris.
3. Kebolehan kerja berpasukan serta mampu menyelesaikan masalah secara praktikal.
4. Kebolehan menggunakan kemahiran ICT yang tinggi.

Atas dasar ini, Kementerian Pendidikan Tinggi telah menetapkan agar subjek Kemahiran Insaniah mesti diterapkan kepada pelajar. Kandungan yang dimaksudkan merangkumi lima kemahiran yang utama;

- 1) Kemahiran Berkomunikasi
- 2) Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah
- 3) Kemahiran Kerja Berpasukan
- 4) Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat
- 5) Kemahiran Keusahawan
- 6) Etika dan Moral Professional
- 7) Kemahiran Kepimpinan.

KPT telah memperkenalkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Pentingnya pelan ini adalah untuk menetapkan setiap IPTA/IPTS terpilih melakukan program pengantarabangsaan. Ianya cuba untuk akur dengan kehendak THES yang berusaha melakukan penarafan terhadap IPTA di Malaysia. Antara lainnya, program pengantarabangsaan ini terdiri [16]:

- 1) Penggunaan petunjuk prestasi utama (KPI) dalam pengurusan dan sasaran kerja setiap organisasi.
- 2) Pelaksanaan autonomi dalam kalangan universiti terpilih dari segi tadbir urus dan kewangan.
- 3) Kepimpinan akademik yang lebih dinamik, *luwes* dan proaktif, terutamanya di peringkat jabatan.
- 4) Penekanan aktiviti akademik mestilah berpaksikan kepada penerbitan makalah dalam jurnal berwasit ternama peringkat antarabangsa, yang diambilkira dari segi penilaian untuk kenaikan pangkat.
- 5) Pelantikan profesor ternama sebagai staf universiti yang turut dibiayai oleh agensi penyedia geran penyelidikan.
- 6) Peningkatan jumlah pelajar antarabangsa khususnya di peringkat ijazah lanjutan.
- 7) Peningkatan jumlah pensyarah berkelayakan PhD dan mendapat status profesional atau bertauliah.

## **2. Pendekatan APIUM Dalam Isu Modal Insan Yang Kompeten**

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) adalah salah sebuah fakulti di Universiti Malaya yang memiliki pengajian lengkap dengan matlamat melahirkan ulama, cendekiawan dan

teknokrat Muslim yang kompeten. Modal insan yang telah dan bakal dilahirkan oleh institusi ini diharapkan dapat memikul amanah dan tanggungjawab yang besar ini. Cabarannya amat besar terutama dalam era globalisasi dan penarafan serta tuntutan kepada kebolehpasaran yang amat tinggi. Huraian berikutnya akan memaparkan antara pendekatan yang telah dan bakal diambil oleh APIUM untuk memenuhi keperluan modal insan ini.

## 2.1. Transformasi Kurikulum Pengajian

APIUM pada asalnya bermula sebagai Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan yang ditubuhkan pada tahun 1965. APIUM telah melalui beberapa fasa transformasi yang besar dalam kurikulum pengajiannya untuk memastikan kerelevanan dan kebolehpasaran graduan. Secara dasarnya setiap kali semakan dilakukan beberapa inisiatif yang berkaitan dengan kebolehpasaran graduan dilakukan seperti berikut:

- 1) Secara prinsipnya setiap kali semakan kurikulum dilakukan, sebuah jawatankuasa semakan perlu ditubuhkan dengan melibatkan tidak kurang dari 30% ahlinya dari pihak industri atau bakal majikan graduan.
- 2) Kajian pasaran dilakukan untuk dijadikan salah satu justifikasi kepada semakan baru.
- 3) Majikan yang menyediakan tempat latihan industri untuk pelajar diminta memberi komen dan analisa terhadap kebolehan pelajar dan lawatan oleh penyelia/para pensyarah juga mendapat input yang sama
- 4) Sejak tahun 1997, Alumni Pengajian Islam telah ditubuhkan dan berdaftar dengan ROS dimana banyak input diperolehi melalui program yang dianjurkan

Akademi Islam ditubuhkan pada tahun 1981 dengan hanya mempunyai Fakulti Syariah dan Usuluddin. Kedua-dua fakulti ini menawarkan Sarjana Muda Syariah dan Usuluddin dengan pendekatan undang-undang, politik & pentadbiran serta kemasyarakatan sebagai langkah pertama untuk menjadikan pengajian Islam relevan dan berdaya saing. Tidak lama kemudian Sarjana Muda Pendidikan Islam diperkenalkan sebagai memenuhi keperluan tenaga dalam sektor pendidikan Negara dengan kerjasama Fakulti Pendidikan UM. Peringkat permulaan ini yang bermula dari tahun 1985 hingga 1989 ini dianggap sebagai fasa **transformasi fasa pertama** APIUM [17].

Pada tahun 1996, Akademi Islam bergabung dengan Jabatan Pengajian Islam (Fakulti sastera dan Sains Sosial) dan membentuk Akademi Pengajian Islam. Fasa ini dianggap sebagai tempoh **transformasi fasa kedua** dan yang paling besar dengan mengujudkan 9 buah Jabatan dan 3 Program Pengajian. Penubuhan jabatan dan program ini adalah untuk memantapkan pengkhususan berasaskan kemahiran dan keperluan sektor pekerjaan. Jabatan dan program berkenaan ialah seperti berikut:

- 1) Jabatan Fiqh dan Usul
- 2) Jabatan Syariah dan Undang-undang
- 3) Jabatan Syariah dan Ekonomi
- 4) Jabatan Syariah dan Pengurusan
- 5) Jabatan Siasah Syari'yyah
- 6) Jabatan Akidah dan Pemikiran islam
- 7) Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith
- 8) Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam
- 9) Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan
- 10) Program Pendidikan Islam
- 11) Program Sains Gunaan Dengan Pengajian Islam
- 12) Program Pengajian Islam



**Transformasi Fasa ketiga** dilakukan dengan memberikan penekanan kepada profesionalisme dan pementapan Sarjana Muda dan hubungan lebih rapat dengan Fakulti Sains, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat. Begitu juga pengajian peringkat Asasi bergabung dengan Pusat Asasi UM (PASUM) untuk menyediakan pelajar yang benar-benar layak memasuki program Sains Gunaan Dengan Pengajian Islam (kemudiannya ditukar kepada Pengajian Islam Dan Sains).

Sehingga kini 2013 terdapat 7 Ijazah dan juga satu program asasi beserta satu program minor bersama fakulti lain yang sedang dijalankan beserta mendapat kelulusan dan pengiktirafan. Antara program pengijazahan dan pengkhususan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

1. Program Asasi Pengajian Islam dengan pengkhususan seperti berikut:
  - a. *Syariah*
  - b. *Usuluddin*
  - c. *Pendidikan Islam*
  - d. *Pengajian Islam dan Sains*
2. Program Sarjana Muda Syariah dengan pengkhususan berikut:
  - a. *Fiqh dan Usul*
  - b. *Sains Politik Islam*
  - c. *Syariah dan Ekonomi*
  - d. *Astronomi Islam*
3. Program Sarjana Muda Usuluddin dengan pengkhususan berikut:
  - a. *Akidah dan Pemikiran Islam*
  - b. *Dakwah dan Pembangunan Insan*
  - c. *Al-Qur'an dan al-Hadith*
  - d. *Sejarah dan Tamadun Islam*
4. Program Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan pengkhususan berikut:
  - a. *Pengajian Islam*
  - b. *Pengajian al-Quran*
5. Program Sarjana Muda Pengajian Islam

dan Sains dengan pengkhususan berikut:

- a. *Bioteknologi*
- b. *Genetik dan Biologi Molekul*
- c. *Sains Biokesihatan*
- d. *Sains dan Pengurusan Alam Sekitar*
- e. *Fizik*

6. Program Sarjana Muda Pengajian Islam dan Teknologi Maklumat.

7. Program Sarjana Muda Pengurusan Muamalat.

8. Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang.

9. Program Minor Pengajian Islam yang ditawarkan kepada pelajar fakulti lain di Universiti Malaya.

## **2.2. Perancangan Jangka Pendek Dan Panjang APIUM:**

Pada dasarnya, setakat ini pihak APIUM telah melakukan beberapa tindakan yang berkaitan dengan usaha untuk memungkinkan graduan APIUM mendapat tempat yang baik dalam pasaran kerjaya di Malaysia. Ianya terbahagi kepada dua perancangan; jangka pendek dan jangka panjang.

### **3.2.1 Untuk Perancangan Jangka Pendek:**

Beberapa usaha proaktif telah dijalankan, merangkumi:

**Pertama**, memperkemas program latihan industri dengan mempelbagaikan sektor industri awam dan swasta. Beberapa contoh antaranya: Pihak APIUM khususnya Jabatan Syariah Dan Undang-Undang, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Jabatan Syariah dan Pengurusan serta Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan telah mendapatkan kerjasama dengan beberapa

institusi pentadbiran Islam, kehakiman dan perundangan Islam, perbankan dan kewangan Islam dan lain-lain. Penghantaran pelajar ini juga dilakukan ke luar negara seperti China, Indonesia dan Brunei.

**Kedua**, APIUM telah menghantar pelajar untuk program intensif bahasa Arab dengan pelbagai universiti ternama di Timur tengah seperti di Mesir, UAE, Qatar dan Yaman. Sementara itu di peringkat pasca-sarjana juga penempatan pelajar untuk belajar bahasa arab dibuat di Jordan dan Saudi Arabia. Ianya penting bagi mendedahkan sistem pengajian Islam yang bersifat pelbagai dan melatih kemahiran berkomunikasi bahasa Arab yang berkesan kepada pelajar. Selain menghantar pelajar pihak APIUM juga telah menerima pelajar daripada universiti luar bagi meningkatkan pembangunan modal Insan di kalangan pelajar. Melalui program seperti ini pelajar akan mendapat pendedahan dan saling bertukar pandangan di antara pelajar tempatan dan antarabangsa.

**Ketiga**, APIUM telah melakukan semakan pengajian setiap 3 tahun sekali untuk setiap program pengajian siswazah dan pasca siswazah yang ditawarkan. Di APIUM, tugas ini diletakkan kepada tanggungjawab bahagian ijazah dasar dan ijazah tinggi. Hal ini secara bagi memastikan agar setiap program pengajian yang ditawarkan dimaklumi dan mendapat maklum balas tentang keperluannya oleh pihak sektor kerjaya luar.

**Keempat**, APIUM telah mendapatkan tenaga pengajar yang berkemahiran tinggi dalam Bahasa Arab termasuk dari Timur Tengah untuk mengajar kursus-kursus teras dan bahasa arab. Ini bertujuan memantapkan kemahiran bahasa arab di kalangan pelajar yang merupakan salah satu kemahiran yang sangat penting dalam semua sektor pekerjaan.

**Kelima**, pihak APIUM telah mengadakan perancangan bersama dengan Hal Ehwal Pelajar dengan mengadakan program bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam pembangunan Insan. Satu unit yang dinamakan Student Empowerment & Research Unit (SERU) telah ditugaskan bagi menjana program-program yang melibatkan mahasiswa dalam meningkatkan kemahiran insaniah mereka.

**Keenam**, pihak APIUM meningkatkan aktiviti pelajar dengan penubuhan kelab-kelab ilmiah dalam meningkatkan *softskill* pelajar. Antara kelab pelajar yang bergiat aktif ialah kelab bahasa Arab, di mana kelab ini telah menganjurkan program-program seperti debat bahasa arab yang diwakili oleh pelajar. Kelab ini juga telah menyertai program peringkat antarabangsa seperti debat bahasa Arab peringkat nasional. Selain kelab bahasa Arab terdapat juga persatuan seperti Persatuan Mahasiswa Akademi Pengajian Islam PMAPIUM yang menjadi wakil pelajar dalam menyalurkan masalah pelajar kepada pihak pentadbiran.

**Keenam**, APIUM telah menjana kemahiran insaniah (*softskill*) pelajar melalui jabatan-jabatan ada di APIUM. (kini dikenali sebagai GSA- *Generic Students Attributes*) Antaranya penubuhan lajnah bagi setiap Jabatan yang ada di APIUM. Lajnah ini akan diuruskan sendiri oleh pelajar dan berfungsi dalam mengadakan program-program anjuran jabatan, seminar, debat dan sebagainya. Secara tidak langsung program seperti ini mampu melahirkan pelajar yang berkemahiran di dalam sesebuah organisasi. Ianya juga mampu mencungkil bakat pelajar di dalam secara menyeluruh ini kerana setiap Jabatan yang ada akan melibatkan komuniti kecil pelajar.

**Ketujuh**, APIUM juga telah menyediakan segala peralatan pelajar yang

diperlukan seperti peralatan mencerap bagi pelajar yang mengambil jurusan astronomi Islam. *Moot Court* bagi pelajar syariah undang-undang dan sebagainya. Begitu juga sebuah makmal bagi program Astronomi Islam telah disediakan untuk menempatkan peralatan untuk pembelajaran yang sesuai. Ianya mampu meningkatkan kualiti pelajar yang akan dilahirkan melalui pembelajaran secara praktikal.

**Kelapan**, pihak APIUM telah memberi kerjasama kepada Kementerian Pengajian Tinggi dalam menjalankan kajian pengesanan graduan. Hal ini dapat membantu pihak APIUM mengenalpasti kebolehpasaran graduan yang dilahirkan oleh APIUM. Kerjasama ini dapat membantu pihak APIUM sendiri dalam meningkatkan kualiti yang sedia ada dalam memenuhi tuntutan pekerjaan semasa dan menjamin setiap graduan yang lahir dari APIUM mempunyai peluang yang cerah untuk mendapatkan pekerjaan.

### 3.2.2 Perancangan Jangka Masa Panjang:

Sejak dari awal Universiti Malaya telah dikenali sebagai universiti perdana yang memiliki tradisi kecemerlangan yang berkembang sejajar dengan pembangunan negara Malaysia. Sejak dari itu Universiti Malaya telah mendapat beberapa pengiktirafan samada di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Antaranya pensijilan MS ISO 9001: 2000 secara keseluruhan pada tahun 2003, status Universiti Penyelidikan pada 2006, MyRA, SETARA serta penarafan dunia seperti THES. Secara langsung ia memberi impak juga kepada APIUM yang berusaha secara berterusan untuk berada di arus perdana Universiti Malaya. Antaranya melibatkan soal pengajaran dan pembelajaran (P & P). Beberapa usaha

secara berterusan penambahbaikan pedagogi pengajian yang telah diusahakan oleh APIUM, merangkumi;

#### a) Rombakan Struktur Subjek

Demi mengelakkan daripada pendekatan dikotomi sekularisme barat, IPTA pengajian Islam telah memantapkan lagi beberapa subjek yang utama terutama dalam bidang sains teknologi, yang terdiri daripada:

**Pertama**, pendekatan yang memperkenalkan subjek yang menunjukkan perkaitan antara Islam dengan persoalan dan disiplin moden; merangkumi subjek sains & teknologi, ekonomi, pengurusan, perundangan, pentadbiran awam dan sebagainya. Subjek-subjek ini dapat membiasakan pelajar dengan subjek keilmuan moden yang biasa dipakai dalam realiti kehidupan semasa [18].

**Kedua**, menekankan subjek keagamaan Islam yang lebih menjuruskan kepada realiti semasa di Malaysia dan bukannya bertumpu kepada realiti di luar Malaysia (Timur Tengah) daripada zaman pertengahan silam. Hal ini boleh dilihat daripada amalan APIUM;

- 1) Memperkenalkan subjek Fiqh Malaysia (Fiqh Kontemporari) di dalam kurikulum pengajian Syariah di peringkat Ijazah Pertama dan Pasca Siswazah [19]. Gagasan Fiqh Malaysia tempatan ini adalah bagi menyediakan jawapan kepada penyelesaian Islam untuk permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia semasa dan bukannya bergantung kepada warisan Fiqh silam yang mungkin tidak bersesuaian dengan realiti masyarakat Malaysia semasa [20].
- 2) Berusaha membentuk wacana intelek (*intellectual discourse*) dengan

menjadikan konsep Fiqh Malaysia sebagai asas utama untuk menyelesaikan permasalahan umat Islam di Malaysia, yang dipecahkan kepada beberapa tema yang utama, seperti keperluan hukum Islam semasa [21], budaya [22] dan soal kepenggunaan (*consumerism*). *Intellectual discourse* ini yang dibuat dalam bentuk seminar yang khusus bertujuan menyedarkan masyarakat dan bakal menjana (*to generate*) perkembangannya dengan menerimapakai pandangan sarjana yang berbeza, untuk tujuan memantapkan lagi gagasan yang dipilih.

**Ketiga**, pendekatan yang menggalakkan pelajar APIUM untuk mengikuti pelbagai subjek luar ditawarkan oleh pelbagai fakulti yang berbeza. Mengikut pengamatan semasa, di antara subjek elektif luar yang amat diminati oleh pelajar pengajian Islam kebanyakannya terdiri daripada subjek (i) S & T (Sains & Teknologi) dan Masyarakat, (ii) Isu-isu Alam Sekitar, (iii) Falsafah Sains, (iv) Sejarah dan Falsafah Sains Sains dan Teknologi dalam Dunia Islam Semasa, (v) Sains Pemprosesan Makanan, (vi) Sains Flora dan Fauna, (vii) Epistemologi dan Perspektif Ilmu dan (viii) Falsafah Sains Perbandingan.

**Keempat**, penerapan S&T dalam pengajian keilmuan Islam. Secara realitinya, IPTA Islam seperti APIUM yang didorong dengan semangat tajdid telah merancang untuk melahirkan kalangan fuqaha-saintis Islam, setakat yang termampu, dengan menggunakan beberapa mekanisme utama, antaranya;

1) Mengamalkan sikap dan pendekatan yang lebih proaktif dan positif terhadap kepentingan subjek S&T dalam pelbagai bidang yang penting membabitkan penemuan baru dalam bidang tersebut.

2) Mengadakan ceramah membabitkan isu-isu S&T terbaru seperti sains bioteknologi, ICT, pengklonan manusia dan sebagainya, yang dikupas oleh pakar terpilih daripada fakulti sains sendiri.

3) Menerbitkan buku khusus yang mendedahkan tentang sumbangan dan paradigma pemikiran sarjana-saintis Islam silam [23], yang diharapkan akan dicontohi oleh kalangan mahasiswa.

4) Menerbitkan artikel ilmiah di dalam jurnal terbitan APIUM yang menumpukan tentang manfaat yang boleh diambil daripada perkembangan ICT dan sains moden terhadap kelangsungan keilmuan Islam secara umumnya dan hukum Islam khususnya [24].

5) APIUM telah memperkenalkan program Sarjana Muda Sains Gunaan Dengan Pengajian Islam. Bagi tujuan memenuhi keperluan masyarakat dan memperluaskan lagi aktiviti pengijazahannya, APIUM merasa perlu untuk menawarkan satu lagi program peringkat ijazah yang berbeza dari segi isi dan pendekatan daripada program-program yang sedia ada. Akhirnya, suatu program di peringkat sarjana muda yang berasaskan kepada penggabungan antara *ilmu-ilmu Pengajian Islam* dan *ilmu-ilmu Sains* telah dipersetujui untuk ditubuhkan dan program ini diberi nama "Program Sarjana Muda Sains Gunaan Dengan Pengajian Islam". Secara dasarnya, penubuhan program ini mempunyai objektif untuk membantu pihak kerajaan dan masyarakat Malaysia dalam usaha mewujudkan suatu masyarakat yang maju di bidang sains dan teknologi yang berasaskan kepada nilai-nilai Islam yang murni. Bagi meningkatkan kualiti yang sedia ada,

pada sesi 2012/13, program ini sekali lagi telah dirombak menjadi dua program dan melalui proses penjenamaan semula menjadi Sarjana Muda Pengajian Islam dan Sains (SMPIS) dan juga Sarjana Muda Pengajian Islam dan Teknologi Maklumat. Tempoh minimum kursus ini menjadi empat tahun dan bersifat dua major (*double major*).

**Kelima**, menggalakkan pelajar mengikuti program ko-kurikulum yang bakal mendedahkan pelajar dengan semua aspek aktiviti persatuan dan melatih diri mereka dengan realiti sebenar kehidupan luar kampus. Dalam dunia global yang menyaksikan kehendak pasaran kerjaya mementingkan nisbah pekerja yang memiliki ciri-ciri [15]:

1. Prestasi kerja yang berasaskan kepada kemahiran tinggi.
2. Kebolehan berkomunikasi yang efektif, khususnya membabitkan penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa arab.
3. Kebolehan kerja berpasukan serta mampu menyelesaikan masalah secara praktikal.
4. Kebolehan menggunakan kemahiran ICT yang tinggi.

**Keenam**, Pihak APIUM juga telah bercadang untuk menubuhkan student center untuk matlamat jangka panjang. Tujuan penubuhan ini adalah bagi memudahkan pelajar untuk berinteraksi dalam suasana kondusif sebagai mahasiswa di APIUM.

#### **b) Pedagogi Baru Pengajaran IPTA Islam**

Berasaskan kepada semangat tajdid yang lebih bersifat progresif, IPTA Islam telah memahami keperluan dunia global dan telah cuba untuk melakukan reformasi (tajdid) yang lebih bersifat menyeluruh terhadap sistem pengajian keilmuan Islam semasa

[25]. Secara kasarnya, terdapat beberapa langkah perubahan pedagogi telah dilaksanakan oleh IPTA. Dalam aspek perubahan pedagogi pembelajaran, tiga kaedah utama telah diterapkan, merangkumi:

**Pertama**, menerapkan dua kaedah pedagogi baru iaitu kaedah PBL (*Problem Based Learning*) dan kaedah kemahiran berfikir dan berkomunikasi (Bahasa Arab dan Inggeris) yang boleh menjanakan daya kritikal dan kebolehan menyelesaikan masalah semasa kepada pelajar. Berasaskan kepada laporan kelemahan pelajar IPTA semasa amnya dan IPTA Islam khususnya, yang dikatakan mempunyai kelemahan berfikir dan berkomunikasi yang betul [26], yang kemudiannya lulusan IPTA ini gagal memenuhi pasaran pekerjaan (*job market*), maka pihak Universiti Malaya telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan kaedah PBL ini. Kaedah ini yang biasanya dipakai untuk pelajar bidang perubatan yang mampu melatih para pelajar menjadi pekerja yang boleh menganalisa setiap masalah yang timbul dalam bidang masing-masing serta menyertakan jalan penyelesaian masalah terbaik untuk masalah tersebut [27].

Sebagai contoh, kaedah dan pendekatan PBL ini telah digunakan dalam subjek hukum Islam, yang memerlukan empat langkah yang utama;

- 1) Pelajar akan didedahkan dengan kerangka konsep dan senarai buku rujukan yang berautoriti untuk sesuatu subjek khusus yang diajar.
- 2) Pendedahan tentang senario sesuatu masalah Hukum Islam sebenar akan dibentangkan untuk diselesaikan secara berkumpulan oleh pelajar, contohnya seperti membabitkan sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JFKM).
- 3) Pelajar perlu melakukan penyelidikan

secara holistik terhadap sesuatu masalah yang diberikan, yang tentunya membabitkan pelbagai disiplin ilmu moden yang lain. Dalam soal ini, sebagai contohnya, pelajar terpaksa melihat latar belakang realiti sebenar sesuatu masalah itu timbul dan juga perlu menganalisis secara kritikal kandungan fatwa yang dikeluarkan oleh JFKM, sama ada ianya bersesuaian dengan prinsip *Maqasid al-Shariah* dan realiti di Malaysia.

- 4) Hasil penyelidikan pelajar ini akan dibentangkan di dalam kelas kemudian dinilai oleh pelajar lain dan pensyarah itu sendiri.

Kaedah PBL ini bertepatan dengan tuntutan agenda pendidikan untuk dunia global semasa yang menghendaki pensyarah dan pelajar perlu berinteraksi dalam konteks yang lebih terbuka dan kritikal. Dalam sejarah pendidikan perundangan Islam, ternyata Kaedah PBL ini walaupun diberikan dengan nama yang berbeza, sebenarnya pernah dijadikan metode utama di dalam pengajian syariah yang awal. Hal ini boleh dilihat dengan kaedah *Mantiq*, *Jadali*, *Istiqra'i* dan *tarjih* dalam tradisi pengajian syariah silam [28].

Apa yang lebih penting lagi, kaedah PBL ini bertepatan juga dengan model pendekatan filosofis yang memiliki sifat keilmuan, inklusif dan terbuka. Kelebihan pendekatan ini untuk bidang pengajian Syariah boleh dirujuk kepada tiga perkara yang utama iaitu *pertama*; dengan pencarian dan perumusan idea atau gagasan yang bersifat mendasar (*fundamental ideas*) dalam berbagai persoalan, *kedua*; pengenalan dan pendalaman persoalan serta isu-isu *fundamental* dapat membentuk cara berfikir yang bersifat kritis dan *ketiga*; proses ini bakal membentuk mentaliti dan kaedah berfikir yang mengutamakan kebebasan

intelektual, sekaligus mempunyai sifat toleransi terhadap pelbagai pandangan dan kepercayaan yang berbeza serta bebas daripada fanatisme [29].

Dalam konteks dunia moden, pendekatan filosofis ini yang dipakai sepenuhnya di dalam sistem pengajian keilmuan Islam di Barat telah mencetuskan pelbagai dinamisme yang berkaitan dengan perkembangan metodologi terkini dan dapatan kajian yang lebih bersifat terbuka [30]. Justeru, tidak salah sekiranya penganut Islam cuba meniru secara selektif tentang apa yang dijalankan oleh dunia orientalisme Barat [31].

**Kedua**, mengaplikasi paradigma pengajaran yang lebih bersifat interaktif. APIUM sebagai contohnya masih menggunakan bentuk pengajaran kuliah (satu hala) dan pendekatan tutorial (dua hala). Falsafah pedagogi pengajaran bentuk baru ini dirangka dengan mengubahsuai paradigma pendidikan tradisional, seperti:

- 1) Pendekatan *student-oriented* menggantikan pendekatan *teacher-oriented (banking concept)*. Kedua belah pihak iaitu guru dan pelajar perlu berinteraksi dalam konteks yang lebih terbuka dan kritikal. Dalam soal ini, pendekatan pembelajaran yang berbentuk *banking concept* dan *teacher-oriented* perlu dijauhan. Dalam pendekatan *banking concept* yang biasanya digunakan dalam paradigma taqlid, ianya menafikan kreativiti seseorang pelajar dalam mengupas sesuatu persoalan. Manakala paradigma *teacher-oriented* pula merujuk kepada pendekatan yang terlalu bergantung kepada guru sehingga melupakan peranan yang perlu dimainkan oleh seseorang pelajar. Lebih tepat lagi, pelajar perlu bertindak dengan lebih

proaktif di dalam kajiannya dan menganggap gurunya hanya sebagai pembimbing dan fasilitator semata-mata [32].

- 2) Pendekatan baru yang digunakan juga adalah *Student Learning Time (SLT)*. Pendekatan ini digunakan melalui pengiraan jam kredit yang digunakan pelajar dalam masa seminggu pengajian. Pengajian akan dikira melalui kelas, pembentangan dan tempoh mengulangkaji pembelajaran.
- 3) Pendekatan yang menggalakkan pensyarah-mahasiswa menggunakan kemahiran ICT moden (*Virtual studies*) seperti pencarian maklumat pengajian melalui laman web internet dan persembahan pengajaran-tutorial menggunakan peralatan ICT [33]. Begitu juga penggunaan spectrum bagi komunikasi luar pembelajaran antara pensyarah dan pelajar. Ringkasnya, tugas guru mula tercabar dengan arus *virtual studies* ini [15]. Sebaik mungkin pihak APIUM cuba mengelakkan impak negatif daripada pendekatan *virtual studies* ini, yang antara lainnya dilihat telah menimbulkan rasa kurang hormat pelajar terhadap seseorang guru [34] ataupun merendahkan peranan guru untuk menerapkan pendidikan moral (*spiritual touch*) kepada pelajar [35]. Sikap yang terlalu mengagungkan pendekatan *E-learning* (terlalu bergantung kepada komputer di dalam pengajaran semua bentuk keilmuan moden) bakal mencatitkan peranan pendidikan insan yang sepatutnya dimainkan oleh seseorang pendidik. Apa yang jelas, secanggih manapun sesebuah komputer itu, ianya mustahil untuk memainkan fungsi *spiritual touch* yang boleh membentuk kesedaran akhlak

kepada seseorang pelajar [35].

**Ketiga**, bagi memperkasakan lagi mutu alumni IPTA untuk menghadapi realiti alam pekerjaan, pelbagai perkara yang menyerupai program latihan industri ataupun perkongsian pintar (*smart partnership*) telah dijalankan, membabitkan pelbagai agensi, badan dan sektor kerjaya yang berkaitan dengan perkhidmatan perundangan Islam. Antara agensi ini adalah pejabat Mufti, Mahkamah Syariah, Majlis dan pejabat Agama Islam setiap negeri di Malaysia, YADIM (Yayasan Dakwah Islam Malaysia), bank-bank yang menawarkan skim produk kewangan Islam dan sebagainya. Program latihan industri/*smart partnership* ini terbahagi kepada beberapa jenis;

- 1) Program yang mewajibkan seseorang pelajar untuk berkhidmat sama ada sebagai pekerja sukarela ataupun pembantu di agensi terbabit yang dijalankan semasa cuti semester APIUM. Dengan cara ini, seseorang pelajar bakal didedahkan dengan *modus operandi*, elemen kekuatan dan kelemahan yang dimiliki oleh sesebuah agensi yang terbabit. Terdapat beberapa kes tertentu yang menunjukkan beberapa agensi yang terlibat dalam latihan industri ini telah mengambil pelajar terbabit apabila tamat belajar untuk bekerja di agensi tersebut.
- 2) Program/ bengkel dalam bentuk *in house training* – pakar-pakar awam dan swasta yang terlibat dalam perkhidmatan perundangan Islam akan dijemput untuk memberikan maklumat tentang program yang dijalankan oleh agensi yang terbabit.
- 3) Program mut (*moot*) mahkamah Syariah (mahkamah) latihan bagi mahasiswa dalam bidang Syariah dan Undang-

undang. Pada kebiasaannya, program ini akan dihadiri dan diadili oleh Hakim Mahkamah Syariah atau peguam syar'i daripada luar. Program ini bakal mendedahkan mahasiswa tentang bagaimana menjadi pengamal undang-undang Syarak di Mahkamah Syariah secara lebih profesional.

#### **i) Penilaian**

Proses penilaian terhadap keberkesanan program pengajian di APIUM amat dititikberatkan, memandangkan ianya merupakan syarat ataupun piawaian utama yang ditetapkan oleh Standard pensijilan MS ISO 9001: 2008. Hal ini membabitkan tujuh bentuk penilaian yang utama. Dua daripadanya membabitkan penilaian terhadap pencapaian pelajar dan lima perkara pula membabitkan pencapaian pensyarah dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh APIUM;

- 1) Peringkat ijazah pertama— penilaian dibuat berasaskan keputusan nisbah peratus peperiksaan akhir 60% dan kerja projek tutorial 40% (antaranya melibatkan kehadiran, penglibatan aktif dan pembentangan kertas kerja)
- 2) Penilaian mutu pengajaran seseorang pensyarah yang bakal dinilai oleh setiap pelajar samada di peringkat ijazah pertama ataupun pasca siswazah, menggunakan suatu set soalan yang dimuatnaik dalam sistem.
- 3) Peringkat pasca siswazah— penilaian terhadap sesuatu tesis ataupun disertasi akan dibuat oleh sebilangan pakar termasuk dari luar UM yang bakal meneliti secara mendalam terhadap soal metodologi kajian, persembahan tesis dan analisis kajian secara keseluruhan.
- 4) Penilaian keberkesanan program pengajian dan perkhidmatan yang dijalankan oleh APIUM, yang bakal

dinilai oleh sejumlah auditor daripada fakulti luar dari APIUM. Antara skop utama penilaian adalah samada APIUM mengamalkan pendekatan penambahbaikan yang berterusan ataupun tidak setelah ianya mendapat pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001: 2008.

- 5) Penilaian terhadap mutu kompetensi yang dimiliki oleh graduan APIUM dilihat dari segi sektor pekerjaan yang diceburi dan pandangan majikan mereka. Pandangan majikan ini boleh diperolehi melalui laporan latihan industri ataupun jawatankuasa perkembangan akademik untuk menyemak serta menawarkan program baru. Pada masa yang sama kadar kebolehpasaran juga merupakan petunjuk yang berkesan kepada mutu kompetensi graduan ini.
- 6) Penilaian kenaikan pangkat seseorang pensyarah kepada status yang lebih tinggi - dinilai daripada sumbangan pensyarah terbabit antaranya dari segi (i) keterlibatan dalam aktiviti pentadbiran, (ii) penerbitan buku dan artikel ilmiah, (iii) khidmat konsultasi dengan pihak luar, (iv) nisbah penyelidikan ilmiah dan (v) keterlibatan dalam pembentangan kertas kerja di peringkat seminar dalam dan antarabangsa. Dalam soal untuk meningkatkan mutu UM agar bertepatan dengan status ranking yang meningkat, beberapa langkah proaktif telah dan sedang dilakukan, membabitkan;
  - 1) Penyediaan Pelan Strategik APIUM 2011-2015. Pelan strategik terdahulu dari tahun 2008 hingga 2010 telah berjalan dan dinilai. Pelan strategik ini juga melibatkan strategi menghasilkan graduan berkualiti tinggi samada dari aspek kognitif, efektif atau sikap dan



- kemahiran. Pelan strategik ini memberikan fokus yang besar kepada melahirkan modal insan yang kompetan. Bahkan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa semua usaha dan pelan ini akhirnya akan memberi impak positif kepada penghasilan modal insan yang bermutu tinggi jika dilaksanakan dengan baik. Pelan strategik ini merangkumi perkara-perkara berikut:
- a) Menghasilkan graduan berkualiti antarabangsa
  - b) Menghasilkan penerbitan berkualiti
  - c) Menjalankan penyelidikan yang berkualiti
  - d) Peningkatan kakitangan dan pelajar antarabangsa
  - e) Jalinan dengan universiti terkemuka dan industri
  - f) Prasarana bertaraf dunia
  - g) Tenaga modal insan berkualiti
  - h) Penjanaan sumber kewangan
  - i) Kebolehpasaran graduan
- 2) Penyediaan tenaga pengajar yang diiktiraf dalam sektor industri yang relevan. Kebanyakan para ahli akademik terlibat sebagai perunding, penasihat, ahli jawatankuasa dan lain-lain yang membuktikan pengiktirafan pihak majikan. Di samping itu sebilangan ahli akademik adalah panel Auditor untuk MQA yang menilai program yang setara di IPT yang lain.
  - 3) Pembinaan tenaga akademik yang berkemahiran tinggi melalui skim SLAI, SLAB, Basiswa dan *Bright Spark*. Universiti Malaya membenarkan pelajar cemerlang untuk memohon terus pengajian di peringkat PhD untuk menggalakkan pengekalan pelajar cemerlang dengan pelbagai insentif menarik.
  - 4) Bekerjasama rapat dengan pelbagai Fakulti di Universiti Malaya dalam proses integrasi ilmu dan kemahiran. Setakat ini fakulti yang telah mempunyai hubungan rapat ialah Fakulti Pendidikan, Fakulti Sains dan Fakulti Sains Komputer & Teknologi maklumat.
  - 5) Memperkasakan unsur-unsur kemahiran insaniah (*soft skill*). Ini kerana sektor industri secara terang-terangan memerlukan graduan yang memiliki kemahiran insaniah (membabitkan 7 elemen kemahiran; *kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat, etika dan moral professional, kemahiran keusahawanan dan kemahiran kepimpinan*). Dalam soal ini, APIUM memastikan agar syarat Unit kawalan mutu Universiti Malaya dipatuhi, apabila semua proforma subjek hakiki dan Kemahiran Insaniah dibuat mengikut kriteria standard MQA, samada dalam bentuk kandungan kursus, kaedah pembelajaran dan output akhir pengajian [36]. Kemahiran insaniah ini diterapkan dalam semua kursus dengan pendekatan yang sesuai.
  - 6) Memperkasakan program latihan pensyarah dengan keperluan pasaran semasa. Hal ini dapat dilakukan dengan memberi insentif kepada pensyarah untuk melakukan penyelidikan ilmiah (secara ditaja dengan geran yang khusus ataupun secara persendirian) terhadap bidang teroka baru yang membabitkan *niche area* terpenting. Hasil dapatan kajian ini kemudiannya diterapkan dalam pengajaran kepada pelajar APIUM [37].

**KESIMPULAN**

Sebagai rumusan, akhirnya dapat disimpulkan bahawa usaha mewujudkan modal insan yang kondusif dari segi akhlak dan kemahiran yang khusus memang patut dipikul oleh IPTA/IPTS di Malaysia. Hal ini ditegaskan kerana IPT ini memang mempunyai misi, visi dan kaedah yang khusus untuk memastikan lahirnya modal insan dan kebolehpasaran graduan IPT Islam yang sangat diperlukan untuk konteks dunia masa kini. Lebih menarik lagi, kesemua IPTA/IPTS ini mempunyai kaedah yang tersendiri bersesuaian dengan keperluan zaman. Semasa kebangkitan semula Islam menyerap masuk ke Malaysia, tuntutan dan desakan untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup mula kedengaran. Era ini menyaksikan satu bentuk transformasi kepada pengajian Islam di IPT mulai berlaku. Begitu juga sikap pemerintah yang Dasar Negara berpaksikan Perlembagaan Persekutuan yang menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan. Dengan penarafan ini, sektor pendidikan Islam mendapat kedudukan dan peruntukan istimewa. Ketika mana Pengajian Islam memasuki arus perdana peringkat pengajian tinggi, aspek keberkesanan dan kebolehpasaran menjadi elemen yang sangat penting dan telah diambilkira dalam pembentukan program dan kurikulum pengajian. APIUM sebagai salah sebuah fakulti di Universiti Malaya juga telah dan akan terus melakukan pelbagai strategi untuk memastikan kebolehpasaran graduannya, disamping memastikan graduannya memiliki jati diri keagamaan yang jitu.

**BIBLIOGRAFI**

- [1] Osman Bakar (2011), “ Malaysia Dari Perspektif Ketamadunan : Sebuah Inspirasi Daripada Ibnu Khaldun”, Dalam *Jurnal Peradaban*, V. 4.
- [2] Zaini Ujang (1993), *Universiti : Mendukung Tradisi Intelektual*, Kuala Lumpur : Institut Kajian Dasar.
- [3] Nordin Kardi (2002), “ Melayu Dan Islam Dalam Konteks Pendidikan Di Institusi Pengajian Tinggi”, dalam Edit Oleh Suzalie Mohamad *Anjakan Minda Belia Islam*, Kuala Lumpur : IKIM.
- [4] Rahimin Affandi Abd. Rahim dan Idris Awang (2003) “Usaha Memperkasakan Institusi Pendidikan Islam Di IPTA Malaysia : Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM”, dalam *Seminar Kebangsaan Memperkasakan System Pendidikan*, Anjuran Fakulti pendidikan UTM - pada 21hb. Oktober 2003.
- [5] Mahmood Zuhdi e.tal (2005) “ Impak Graduan Universiti Al-Azhar Dalam Pembangunan Sosial Di Malaysia”, *Jurnal Pengajian Melayu*, v. 16.
- [6] Mahmood Zuhdi Abd Majib (2013), *Puri Kencana : Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, Kota Bharu : MAIK.
- [7] Marzuki Haji Mahmood (2003), “Keberkesanan Dan Sambutan Masyarakat Terhadap Pengajian Islam di Institusi Pengajian Islam”, dalam edit. Oleh Suzalie Mohamed, *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur : IKIM.

- [8] Muhammad Syukri Salleh (2002), “Prospek Kerjaya Graduan Pengurusan Islam Di Malaysia”, dalam (edit oleh Wan Ab. Rahman Khudri Bin Wan Abdullah) *Pengurusan Islam : Konsep Dan Amalannya Di Malaysia*, Sintok : Penerbit UUM.
- [9] Tan Ai Mei, *Malaysian Private Higher Education : Globalisation, Privatisation, Transformation and Marketplaces*, London, 2002.
- [10] Theodore W. Schultz (1961), “Investment In Human Capital”, in *The American Economic Review*, V.L1, No. 1, 1961.
- [11] Gary S. Becker (1962), “Investment in Human Capital: A Theoretical Analysis”, in *The Journal of Political Economy*, V.7, No. 5, 1962.
- [12] Ibnu Khaldun (1993), *Mukadimah*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [13] Mahathir Mohamad (1991), *Malaysia Melangkah Ke Hadapan*, Kuala Lumpur: Pecetakan Nasional.
- [14] Fadzilah Abdullah (1993), *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. dalam Yusuf Ismail & Khayati Ibrahim (ed.) *Dasar-Dasar Kerajaan Malaysia*. Kuala Lumpur: A.S. Nordeen.
- [15] Norsaidatul Akmar Mazelan Dan Mohd. Fauzan Noordin (1999), “Manpower And Training Issues In Relation To The Development Of The Multimedia Super Corridor”, dalam Abu Bakar Abdul Majeed(ed.), *Multimedia Dan Islam*, Kuala Lumpur : IKIM.
- [16] Zaini Ujang (2009), *Mengangkasa Pengajian Tinggi*, Skudai : Penerbit UTM.
- [17] Prof. Emeritus Dato’ Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, *Syarah Pengajian Islam Antara Cita-cita dan Realiti*, Akademi Pengajian Islam UM, 19 September 2011.
- [18] Idris Awang (1995), “Perkembangan Pengajian Di Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya”, Dalam *Jurnal Syariah*, V.3, Bil. 2, 1995.
- [19] Buku Panduan Program Ijazah Dasar Apium Tahun Akademik 1999/2000.
- [20] Rahimin Affandi Abd. Rahim (2003), “Konsep Fiqh Malaysia Untuk Tamadun Alam Melayu Alaf Baru: Suatu Analisa Tentang Kepentingannya”, Dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, Bil. 10.
- [21] Seminar Yang Bertemakan “*Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*”, telah Dianjurkan Oleh Apium Pada 26-27hb. Jun 1997, Yang Kemudiannya Menghasilkan Koleksi Kertas Kerja Yang Dibukukan Dengan Tajuk *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*.
- [22] Seminar Yang Menekankan Tema Ini Telah Dianjurkan Oleh Apium Pada 23-24hb. Jun 1999, Yang Menghasilkan Koleksi Kertas Kerja Bertajuk *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*.
- [23] Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2000), *Tokoh-Tokoh Kesarjanaan Sains Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- [24] S. Mohamed Hatta (1995), "Sains Dan Ijtihad", Dalam *Jurnal Syariah*, V. 3, Bil. 2, 1995.
- [25] Rahimin Affandi Abdul Rahim (2000), "Konsep Fiqh Malaysia Untuk Tamadun Alam Melayu Alaf Baru: Suatu Analisa Tentang Kepentingannya", Dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, Bil. 10, 2000.
- [26] Mohamad Mohsin Mohamad (2000), "Kemahiran Berfikir Di Alaf Baru", Dalam Abdul Latif Samian Dan Mohamad Sabri Haron (ed.) *Pengajian Umum Di Alaf Baru*.
- [27] Rahimin Affandi Abd. Rahim (2002), "Memperkasakan Budaya Berfikir Islam: Satu Analisa", Dalam *Jurnal Afkar*, Bil. 3, 2002.
- [28] Amir Mu'allim Dan Yusdani (1999), *Konfigurasi Pemikiran Hukum Islam*, Yogyakarta.
- [29] Kamaruzzaman Bustaman Ahmad (2002), *Islam Historis; Dinamika Studi Islam Di Indonesia*, Yogyakarta : Galang Press.
- [30] Rahimin Affandi Abdul Rahim (2000), " Orientalisme Dan Keutuhan Ummah Islam : Suatu Analisis ", Dalam *Jurnal Syariah*, V. 9, Bil. 1, 2000.
- [31] Ratno Lukito (1997), "Studi Hukum Islam Antara Iain Dan Mcgill", Dalam Ed. Yudian W. Asmin, *Pengalaman Belajar Islam Di Kanada*, Yogyakarta: Titian Ilahi Press.
- [32] Abuddin Nata (2004), *Sejarah Pendidikan Islam: Pada Periode Klasik Dan Pertengahan*, Jakarta: Rajawali Press.
- [33] Nik Salida Suhaila Bt Nik Saleh & Syahirah Bt Abdul Shukor (2004), "E-Learning In Islamic Studies: Possibilities And Challenges In Malaysia", Dalam *Prosiding Islam: Past, Present And Future- International Seminar On Islamic Thoughts*, Anjuran Bersama Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, UKM Dengan Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, Pada 7-9hb. Disember 2004.
- [34] M. Smith Dan S. Bourke (1992), *Teacher Stress; Examining A Model Based On Context, Workload And Satisfaction*, Dalam *Teaching And Teacher Education*, V. 8, 1992.
- [35] H. Abuddin Nata (2001), *Perspektif Islam Tentang Pola Hubungan Guru-Murid: Studi Pemikiran Tasawuf Al-Ghazali*, Jakarta: Pt Raja Grafindo Persada.
- [36] Rahimin Affandi Abd Rahim (2010), " Aplikasi Elemen Pemikiran Saintifik Dalam Pengajian Syariah : Satu Pendekatan", *Jurnal Informika, Fakulti Pengurusan Maklumat, UITM, Shah Alam*, V. 1.
- [37] Rahimin Affandi Abd Rahim (2011), "Reforming The Syariah Studies In Malaysian Higher Learning Institution", *Prosiding for the EDUALEARN – International Conference On Education And New Learning Technologies*, 4-6 July 2011, Barcelona, Spain.